



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melfer Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Paskah 5 - 3 Mei 2026

### Doa Hari Ini

Ya Allah Mahakuasa, Engkau sahaja yang dapat membawa ketenangan kepada keinginan dan hawa nafsu yang tidak dapat dikawal dalam diri orang berdosa; berilah kami anugerah untuk mengasihi apa yang Engkau perintahkan dan menyukai apa yang Engkau janjikan, agar di dalam segala perubahan dan kemungkinan dunia ini, hati kami akan ditetapkan dengan pasti di tempat di mana terdapat bahagia kekal; oleh Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Yohanes 21:15-22

Bacaan Responsif - 1 Petrus 5:1-7



## YOHANES 21:17 - PELIHARALAH DOMBA- DOMBA-KU

“Ya Yesus yang bangkit, tolonglah saya mengasihi umat-Mu.”

Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:

- YouTube: [https://www.youtube.com/  
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

### 1. **TAHNIAH**

Kami dengan sukacita mengucapkan tahniah kepada Rev. Dr. Jacob Bau Chian Hui atas pelantikan beliau sebagai Suffragan Bisop di Diosis Malaysia Barat. Upacara pentahbisan akan diadakan pada 23 Oktober 2026.

### 2. **JOM SERTAI PERSEKUTUAN DOA**

Marilah sertai Persekutuan Doa selepas kebaktian berikut:

- CHI - 9:45 pg, Pavilion
- ENG - 11:45 pg, Dewan Alpha
- BM - 7:30 mlm, Malam Doa-Puji-Sembah, gereja

Persekutuan Doa ADOS-W akan diadakan Isnin depan, 11 Mei:

- CHI - Heritage Anglican Church
- ENG - Christ Church Likas
- BM - Gereja Anglikan Kristus Bangkit (GAKB), Inanam

### 3. **PERTEMUAN DENGAN YESUS YANG BANGKIT**

"Tuhan telah bangkit!" "Sungguh, Dia telah bangkit!" Kiranya Yesus yang bangkit menjumpai kita di mana pun kita berada — dalam setiap luka, pergumulan dan harapan. Dia telah bangkit untuk memberikan hidup yang baru. Jangan ragu, datanglah pada-Nya.



Kita teruskan siri khutbah kita, berdasarkan Yohanes 20 & 21

- 3 Mei - 'Yang Berasa Malu': Petrus
- 10 Mei - *Hari Ibu*
- 17 Mei - 'Jadilah Berkuasa': Roh Kudus
- 24 Mei - Hari Pentakosta

### 4. **'EXTRA RM100' - untuk misi Thailand**

Kita berhasrat untuk mengumpul RM10,000 bagi *Rangsit Anglican Church* (RAC) yang sangat memerlukan sebuah kenderaan untuk pelayanan mereka. Kos kenderaan tersebut ialah RM80,000. Kita digalakkan untuk memberi sumbangan sebanyak 'RM100' sebagai sokongan kepada usaha ini; marilah kita memberi respon dengan positif, penuh kesungguhan dengan kemurahan hati. Sumbangan boleh dibuat secara tunai (menggunakan sampul) atau dalam talian—sila nyatakan "RAC Van". Namun demikian, sekiranya anda ingin memberi lebih daripada jumlah yang dicadangkan, anda amat dialu-alukan untuk berbuat demikian; setiap orang digalakkan memberi mengikut kemampuan dan kerelaan hati masing-masing.

### 5. **BERSYUKUR UNTUK IBU**

10 Mei, Ahad depan, 4:00 ptg - Pertandingan memasak sempena Hari Ibu.

- Pasukan 2 orang; salah seorang hendaklah seorang ibu.
- Bawalah rempah-ratus anda serta peralatan memasak. Bahan utama adalah rahsia (ikan? Daging ayam? Daging lembu?) akan diketahui

pada hari pertandingan.

## 6. PELAYANAN LAINNYA

- 4 Mei, esok - **Pusat jagaan harian di ARK** bermula. Aktiviti termasuklah, interaksi dengan penghuni lain, permainan ringan, waktu makan, rehat siang dan senaman fisioterapi, dll. Hubungi: 016-818 9013.
- 9 Mei, Sabtu, Dewan Omega, 9:30 pagi - Persekutuan **Evergreens**. Tema: Hari Ibu.
- 14 Mei, Khamis - giliran CCL **melawat ARK**. Program termasuk pujian penyembahan, persembahan lagu dan pemberian hadiah, perkongsian firman, dll. Jika ingin turut serta, sila hubungi pejabat gereja.
- 17 Mei, Ahad - **Bazar Misi**. Bawa barangan terpakai yang masih elok, untuk dijual. Semua hasil akan disalurkan kepada 'Kebajikan & Miisi'.
- 24 Mei, Ahad - 'Perayaan Kesyukuran Pesta Penuaian'. Butiran lanjut akan menyusul.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Datin Ethel Lee.

## 7. KONFERENSI gen-BREAK

Konferensi ini merupakan perhimpunan pelbagai generasi untuk seluruh keluarga gereja, yang menghimpunkan pelbagai jemaah di seluruh ADOS-W.



- **CHI & ENG - 30 Mei-2 Jun; di Katedral All Saints**. Konferensi ini terbuka untuk muda-mudi, belia, dan dewasa. Pelbagai topik yang berkaitan dengan pertumbuhan pemuridan ditawarkan. Sila daftar. Boleh rujuk: '<https://genbreak.life/>'.
- **BM - 1-3 Jun; di Gereja St. Margaret Keningau**. Lebih 700 anak muda telah mendaftar, termasuk kira-kira 90 orang dari gereja kita. Marilah kita berdoa agar karya Roh Kudus yang besar berlaku dalam kehidupan mereka, supaya mereka dapat mengalami pertemuan dengan Kristus, dikuatkan dalam iman, dan diperbaharui dalam perjalanan hidup bersama Tuhan.

## 8. TARIKH UNTUK DIAMBIL PERHATIAN

- 31 Ogos-2 September - Khemah Kanak-kanak ADOS-W di gereja kita!! Kami memerlukan ramai guru dan pembantu. Sila tawarkan diri, masa dan tenaga anda. Untuk maklumat lanjut, hubungi Ps. Margaret.
- 5-7 Oktober - Retret Warga Emas, KK. Butiran lanjut akan menyusul.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## 'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Mei 4	1 Tes 4	Mz 119:17-32	Jum, Mei 8	2 Tes 3	Mz 119:81-96
	Sel, Mei 5	1 Tes 5	Mz 119:33-48	Sab, Mei 9	1 Tim 1	Mz 119:97-112
	Rab, Mei 6	2 Tes 1	Mz 119:49-64	Ahd, Mei 10	1 Tim 2	Mz 119:113-128
	Kha, Mei 7	2 Tes 2	Mz 119:65-80			

### 'PELIHARALAH DOMBA-DOMBA-KU'

- Yoh 21:15-22 - untuk renungan & perbincangan:

- Bagaimanakah anda pertama kali mengenal Yesus? Ceritakan perjalanan anda bersama-Nya sejak itu.
- Yesus menanyakan soalan yang sama kepada Petrus sebanyak tiga kali, "Adakah engkau mengasihi Aku?" (ay. 15–17). Mengapa tiga kali? Apakah yang mungkin diingatkan kepada Petrus? Mengapa dia berasa sedih pada kali ketiga? Apa yang ingin Tuhan ajarkan melalui perasaan terluka itu?
- "Gembalakan domba-domba-Ku." Bagaimanakah Petrus diarahkan untuk menunjukkan kasihnya kepada Yesus? Bagaimana kita dapat menunjukkan kasih kita kepada Yesus pada hari ini? Rujuk juga 1 Yoh 3:17–18, 4:20–21.
- "Ikutlah Aku." Bagaimanakah Petrus diarahkan untuk terus fokus mengikut Yesus? Lihat ayat 19–22 untuk kisah tersebut. Apakah antara gangguan yang boleh mengalihkan perhatian kita untuk mengikut Yesus?
- Adakah anda mengenali seseorang yang dahulu mengasihi Yesus tetapi kini memerlukan dorongan untuk kembali kepada-Nya? Berdoalah untuk orang tersebut, dan berusaha untuk mendekatinya.

## UNTUK DIDOAKAN

### Komuniti yang Kita Kasih

- Sempena Hari Pekerja ini, kita mengucap syukur untuk semua pekerja yang melayani kita; dan berdoa agar kita juga setia dan bertanggungjawab dalam pelayanan kita.

### Diosis yang Kita Kasih

- Berdoa bagi misi di Thailand dan Kalimantan Timur, agar Roh Kudus memimpin, memperkuat, dan memakai setiap pelayanan misionari, dan meneguhkan gereja-gereja di sana.

### Diri sendiri

- Berdoa agar seperti Rasul Petrus, kasih kita kepada Yesus yang bangkit menggerakkan kita untuk melayani umat-Nya dengan setia.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.